



Dr Maximus (tengah) mengambil peluang melakukan **pemeriksaan tekanan darah** sempena program pendidikan UMS 'Selangkah ke Universiti' di Dewan Masyarakat Kota Marudu.

Sasar satu graduan satu kampung

BA 30.3.13 13

Kota Marudu: Transformasi masyarakat luar bandar termasuk di Kota Marudu sukar dilaksanakan tanpa pendidikan sebagai pemangkin kemajuan.

Atas kesedaran itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili, berkata daerah ini mensasarkan seorang graduan di setiap kam-

pung sebagai pemangkin pembangunan masyarakat.

Dilaksanakan sejak lima tahun lalu, beliau berkata, pencapaian itu boleh menjadi contoh kepada masyarakat mengenai pentingnya pendidikan bagi pembangunan individu.

"Dengan pendidikan, mereka mampu membangunkan ma-

syarakat setempat dan berkongsi pengetahuan serta kemahiran," katanya ketika merasmikan pameran pendidikan Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Dewan Masyarakat Kota Marudu di sini, semalam.

Pengajian ke UMS

Pameran pendidikan UMS 'Selangkah ke Universiti' anjuran bersama UMS dengan Pejabat Parlimen Kota Marudu itu bertujuan menggalakkan lebih ramai pelajar daerah berkenaan melanjutkan pengajian ke UMS. Parlimen Kota Marudu mem-

punyai 300 kampung dengan 160 kampung di Kota Marudu dan 140 kampung di daerah kecil Matunggong.

Ongkili berkata, Kota Marudu sudah mencapai 90 peratus daripada sasaran dengan kurang 30 kampung belum mengeluarkan graduan.

"Kampung yang jauh dari daerah ini iaitu Kampung Sungai Magandai turut melahirkan dua graduan dari UMS," katanya sambil menambah sasaran seterusnya adalah mengeluarkan satu graduan satu keluarga menjelang 2020.